

SULIT



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH BARAT DAYA  
PULAU PINANG**

**Dokumen Sebutharga  
No.Sebutharga : PDTDBD/PGD/01/2020**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA  
SENJATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH BARAT DAYA  
BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN  
MULAI 1 JANUARI 2021 – 31 DISEMBER 2021**

**Tarikh Tutup:**

**18 November 2020 (Rabu)**

**URUSETIA**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH BARAT DAYA  
PULAU PINANG  
(BAHAGIAN PENGURUSAN DAERAH)**

SULIT



PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH BARAT DAYA  
PULAU PINANG

---

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PDTDBD/PGD/01/2020

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220801 dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN MULAI 1 JANUARI 2021 – 31 DISEMBER 2021”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan sysP boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web sysP**.

3. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh: : 09 November 2020 ( Isnin )  
Masa : 10.30 pagi  
Tempat : Ruang Legar Kaunter Utama  
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya,  
Pulau Pinang  
Kehadiran : Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)  
(sila bawa bersama cop syarikat)

**SULIT**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang **mulai 10 November 2020**.

5. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi, berserta profail syarikat, pengalaman kerja dan salinan sijil Kementerian Kewangan yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan **PDTDBD/PGD/01/2020** di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **PDTDBD/PGD/01/2020** di **Bahagian Pembangunan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya, Balik Pulau, Pulau Pinang** sebelum atau pada 18 November 2020 (Rabu) jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. **Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.

7. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya berhak untuk membatalkan, menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

**Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah  
Daerah Barat Daya  
Pulau Pinang**